



**TEKS UCAPAN**

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP KARNIVAL ASPIRASI RAKYAT 3.0**

**BERTEMPAT**

**DI PENTAS UTAMA, WISMA BELIA INDERA MAHKOTA  
KUANTAN, PAHANG**

**4 OGOS 2024, AHAD**

الرَّحِيمُ الرَّحْمَنُ اللَّهُ بِسْمِ

(Bismillah hirrohma nirrahim)

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

وعلى آله وصحبه أجمعين

(Alhamdulillahirobbil 'Alamin, Wassolatu Wassalamu 'Ala Asrofil Ambiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Aj Ma'in)

Segala Puji dan syukur dipanjatkan ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas Junjungan kita, Nabi Muhammad Salallah Alaihi Wasallam, para Sahabat dan Keluarga Baginda.

## **SENARAI SALUTASI AKAN DIKEPILKAN KEMUDIAN**

1. Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Zambery Jefry bin Haji Darus  
Ketua Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Veteran, Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM)
2. Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Haji Abdul Manaf bin Md Zaid TUDM  
(Bersara)  
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Karnival Aspirasi Rakyat 3.0
3. Pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia
4. Pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta
5. Yang Dipertua Persatuan-Persatuan Veteran ATM Negeri Pahang
6. Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, dapatlah kita sama-sama berkumpul pada petang ini bagi meraikan **majlis penutup Karnival Aspirasi Rakyat 3.0**.
2. Alhamdulillah sempurnalah sudah pelaksanaan Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 suatu nama yang dijenamakan daripada nama Karnival Keusahawanan, Kerjaya dan Pendidikan yang diadakan khusus untuk Veteran ATM di Negeri Pahang Darul Makmur dan seluruh masyarakat sekitar. Bagi pihak Kementerian Pertahanan, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Veteran dan orang ramai yang telah hadir ke program ini.
3. Pertama kalinya saya ingin mengucapkan setinggi - tinggi tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis penutup Karnival Aspirasi Rakyat 3.0.
4. Terima kasih kepada Persatuan Veteran TUDM Pahang dan Persatuan Veteran ATM Pahang di atas kerjasama yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran, Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) kerana telah bekerja keras menjayakan penganjuran Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 pada tahun ini. Tidak lupa juga pihak syarikat Veteran Talent Capital (VTC) sebuah syarikat pencarian bakat milik Veteran ATM yang turut bekerjasama sebagai penganjur bersama program ini.
5. Saya difahamkan bahawa Karnival ini telah dilaksanakan seawal pagi semalam, 3 Ogos 2024 dan pengisian yang cukup padat dengan pelbagai program, antaranya:
  - **Program Keusahawanan** melibatkan jualan produk dan perkhidmatan dari 100 usahawan Veteran dan orang ramai, Jualan Rahmah FAMA, taklimat keusahawanan daripada Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dan Affin Bank.

- **Program peluang kerjaya dan temuduga terbuka** dari PERKESO melibatkan 10 majikan dari sekitar Negeri Pahang. Pihak TalentCorp turut sama terlibat dalam membuat hebahan program Veteran MyWira yang diadakan khas untuk Veteran ATM;
- **Program Pendidikan** untuk Veteran, anak-anak Veteran dan orang ramai. UniRazak menawarkan program asasi sastera secara percuma khas untuk anak-anak Veteran manakala pameran dari MARA mengetengahkan program pendidikan dan latihan sebagai peluang memajukan diri ke tahap yang lebih baik.
- **Program Kempen Tabung Pahlawan** iaitu Golf Amal dan majlis Makan Malam Amal yang telah diadakan malam tadi serta Larian Santai 3.5 pada pagi ini, menyaksikan lebih 300 peserta mengambil bahagian bagi memeriahkan program Karnival Aspirasi Rakyat 3.0.

Sekali lagi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program-program ini.

## **AGENDA KESEJAHTERAAN VETERAN ATM**

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

6. Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin terhadap kebijakan dan kesejahteraan seluruh warga Pertahanan, bukan sahaja terhadap anggota yang masih berkhidmat, malah merangkumi Veteran ATM. Sehubungan itu, aspek kesejahteraan Veteran ATM telah menjadi salah satu teras utama dalam Pelan Strategik Kementerian. Untuk itu, pelbagai program dan pelan tindakan telah dirangka sepanjang tahun bagi memastikan aspek kebijakan, kesihatan dan kualiti hidup komuniti veteran sentiasa terjamin, tidak terpinggir dan dipertingkatkan.

7. Selaras dengan tujuan tersebut, dan mendokong Teras ke-6 Dasar Madani iaitu 'Insan', Kerajaan komited meningkatkan peruntukan tahun ini dari RM118 juta kepada RM244 juta, iaitu peningkatan hampir 50% berbanding tahun sebelumnya bagi memastikan kesejahteraan dan kelestarian kehidupan veteran ATM.
8. Peningkatan paling ketara adalah peruntukan Bantuan Sara Hidup (BSH), di mana sebanyak RM174 juta telah disediakan Kerajaan berbanding RM54 juta pada tahun 2023 khusus untuk veteran berpencen, veteran tidak berpencen serta tanggungan yang berkelayakan. Sehingga 10 Julai 2024, seramai 29,331 veteran ATM telah menerima faedah ini melibatkan pembayaran berjumlah RM 56 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk terus membantu veteran yang memerlukan terutamanya veteran tidak berpencen berusia melebihi 60 tahun ke atas.
9. Untuk makluman para hadirin, kesejahteraan veteran merupakan salah satu teras utama yang dititikberatkan oleh Kementerian Pertahanan. Sehubungan itu, Kerajaan Madani melalui Kementerian Pertahanan dan JHEV ATM akan terus komited untuk membantu komuniti veteran yang kurang bernasib baik, uzur, daif, cacat kekal akibat kecederaan semasa bertugas atau mengalami masalah kesihatan melalui skim-skim bantuan yang disediakan.
10. Selaras dengan usaha ini, Kementerian sedang dalam proses akhir untuk memuktamadkan **Cadangan Penambahbaikan Kadar Faedah Hilang Upaya**. Penambahbaikan dasar ini akan melibatkan **peningkatan kadar** berbanding kadar semasa khusus kepada anggota ATM yang tercedera semasa melaksanakan tugas. Kadar baru ini akan mengambil kira kos rawatan atau penjagaan semasa. Secara tidak langsung, veteran kita yang sedang menerima FHU, akan turut sama mendapat manfaat daripada kenaikan kadar ini, Insha Allah.

## **AGENDA SOSIOEKONOMI VETERAN ATM**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Pemerkasaan sosioekonomi veteran merupakan salah satu aspek yang dititikberatkan dalam Program Veteran Madani (PVM). Agenda ini adalah selaras dengan Teras Ketiga Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2021 - 2025. Selain dari aspek kebajikan dan kesihatan, Kementerian turut memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti veteran melalui latihan berterusan dan program peningkatan kapasiti veteran ATM.
12. Tidak dinafikan, adalah penting supaya anggota tentera kita disahkan kompetensi dalam bidang tertentu melalui sekurang-kurangnya satu sijil akademik. Ini bagi memastikan mereka mempunyai peluang kerjaya kedua dan mampu bersaing di pasaran pekerjaan selepas tamat perkhidmatan.
13. Kementerian juga sentiasa meneroka peluang kerjasama dengan pelbagai pihak, sama ada agensi awam, swasta mahupun GLC untuk mencipta peluang kerjaya kedua serta program-program yang boleh menjana pendapatan komuniti veteran.
14. Untuk kerjaya kedua Veteran ATM, JHEV ATM giat mengadakan usahasama bersama agensi Kerajaan seperti Talent Corp dan PERKESO. Penganjuran mini karnival kerjaya bersama PERKESO Selangor pada 25 Julai 2024 baru-baru ini serta penganjuran Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 kali ini diharap dapat membantu Veteran ATM untuk memperolehi kerjaya kedua selepas tamat perkhidmatan.
15. JHEV ATM dan PERHEBAT sentiasa berusaha untuk meneroka peluang bagi membantu usahawan Veteran ATM supaya lebih berdaya maju dalam bidang yang diceburi. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan adalah dengan pihak:

- i. Perbadanan Nasional Berhad (**PERNAS**) untuk membangunkan **usahaawan francais** melibatkan 100 veteran ATM;
- ii. kerjasama dengan **Tekun Nasional** bagi mempromosi peluang **pembiayaan** kepada usahawan di bawah Program Skim Pembiayaan Bekas Penjawat Keselamatan (SPEK);
- iii. kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Luar Bandar menerusi pemberian **geran** Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) kepada **200 usahawan** Veteran ATM pada tahun ini. Sehingga kini, 92 usahawan telah menerima geran SPKLB dengan **nilai terkumpul RM460,000.00**;
- iv. **Program Usahawantani PUTRA-PERHEBAT** dalam bidang pertanian telah bermula sejak Mac 2023 melibatkan seramai 20 veteran ATM. Kerjasama ini diteruskan melalui penyediaan 20 ekar tanah milik UPM kepada veteran secara berkelompok;
- v. **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) - Usahawan Tani (INTAN)**, adalah kolaborasi Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Ekonomi. Program agro ini bakal memanfaatkan 30 orang veteran, dan akan dilaksanakan di tanah milik Kementerian seluas 10 ekar di **Kuala Kubu Bharu** bagi tanaman kontan; dan yang terkini
- vi. Kerjasama PERHEBAT dengan MARDICorp menerusi Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dalam kluster tanaman makanan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEIPS) serta tanah-tanah milik MARDI di seluruh negara. Latihan secara komersil akan diberikan kepada pelatih-pelatih dan seterusnya melayakkan mereka menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3 bergantung kepada modul dan tempoh latihan.

16. Kementerian Pertahanan dan JHEV ATM khususnya percaya bahawa peningkatan kualiti hidup veteran dapat dicapai melalui aspek pendidikan berterusan, kestabilan ekonomi keluarga melalui kerjaya kedua samada bermajikan atau dalam bidang keusahawanan. Sudah tiba masanya, stigma kemiskinan yang selalu dikaitkan dengan veteran ATM dihapuskan dan dijenamakan sebagai komuniti yang mampu menyumbang semula kepada pembangunan sosioekonomi Negara.
17. Marilah kita sama-sama panjatkan kesyukuran dan berterima kasih di atas keprihatinan Kerajaan terhadap komuniti Veteran ATM. Saya menyeru kepada semua hadirin agar terus bersama-sama kami untuk merealisasikan agenda transformasi kesejahteraan Veteran ATM. Saya percaya ianya dapat diperkuuhkan lagi melalui peranan yang dimainkan oleh JHEV ATM dengan kerjasama Persatuan-persatuan Veteran ATM.
18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 terutamanya kepada JHEV ATM, Persatuan Veteran ATM Pahang, Persatuan Veteran TUDM Pahang dan Syarikat VTC Holistics Sdn Bhd. Tidak dilupakan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada barisan penaja serta rakan strategik termasuk agensi kerajaan dan syarikat swasta yang sama-sama menjayakan karnival ini.
19. Saya mendoakan penganjuran Karnival Aspirasi Rakyat 3.0 tidak terhenti di sini sahaja tetapi diteruskan dengan penganjuran Karnival yang seterusnya sebagai wadah dan platform dalam meningkatkan martabat dan menjenamakan Veteran ATM di seluruh negara.
20. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini **MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP KARNIVAL ASPIRASI RAKYAT 3.0**. Sekian, saya sudahi dengan wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.